

09/05/2000

Rekod khidmat perlu jadi asas pemilihan

MENJELANG dua hari lagi perhimpunan agung tahunan Umno, semua 189 calon yang bertanding 11 jawatan minggu ini dilarang mengedarkan kad nama yang memuatkan gambar serta nombor calon kepada perwakilan. Ini berikutan ibu pejabat parti menyediakan senarai nama lengkap yang mempunyai nama, nombor calon dan gambar bagi memudahkan perwakilan membuat pemilihan. Ia sudah mencukupi dan tidak perlu calon menyediakan kad mereka sendiri.

Dengan larangan ini, 2,018 perwakilan kali ini tidak akan menerima kad berkenaan sebagaimana lazim dibuat setiap kali adanya pemilihan dalam Umno. Kecuali masih ada calon yang enggan mematuhi larangan itu. Ketika penggunaan kad ini dibenarkan pada beberapa pemilihan sebelumnya, calon sendiri atau ejen mereka akan mengedarkannya. Di lobi hotel tempat calon menginap atau di dewan di tempat persidangan, kad nama ditaburkan untuk diambil oleh sesiapa saja yang lalu lalang termasuk bukan perwakilan.

Penggunaan kad ini juga menghasilkan apa yang dipanggil sebagai 'budaya salam' yang popular pada perhimpunan 1993 dan 1996. Calon atau ejen masing-masing akan memberi kad berkenaan yang diletakkan di tapak tangan sebaik sahaja mereka berjabat salam dengan perwakilan. Mereka diminta menghubungi calon atau wakil selepas itu menerusi nombor telefon yang disediakan. Dari situ bermula 'kira-kira' yang boleh dibincangkan untuk menjamin kemenangan.

Sememangnya, ini adalah antara cara yang sudah lama dalam Umno bagi memperkenalkan calon dan memancing undi agar perwakilan ingat siapa yang perlu dipangkah ketika pengundian dibuat. Disebabkan calon yang bertanding ramai khususnya untuk jawatan Majlis Tertinggi Umno (MT), exco Pemuda dan Wanita, penggunaan nombor di kad berkenaan memang banyak membantu perwakilan agar tidak terlupa. Dengan adanya nama dan sedikit butiran mengenai calon pada kad berkenaan, perwakilan dapat cepat membuat keputusan siapa yang mahu diundi.

Di kalangan muka baru yang bertanding pula, gambar pada kad berkenaan juga dikatakan banyak membantu perwakilan mengingatkan siapa mereka. Malangnya, dikatakan secara senyap-senyap ramai calon yang menyalah pakai penggunaan kad berkenaan sepanjang musim pemilihan.

Selain menghulur kad, menerusi 'budaya salam' itu juga wang turut bertukar tangan. Kad juga dikatakan disertakan dalam sampul surat yang mengandungi wang yang kemudian dimasukkan di bawah pintu bilik perwakilan pada waktu malam.

Jelas langkah terbaru ibu pejabat Umno itu adalah untuk membendung kejadian rasuah politik daripada berleluasa. Larangan itu, walaupun tidak menjamin politik wang tidak berlaku sepanjang tempoh persidangan ini, secara psikologi ia dapat membantu memerangi gejala itu. Secara langsung larangan ini juga adalah isyarat kepada calon agar tidak pula berhabis wang untuk menggunakan kaedah lain bagi tujuan promosi yang juga biasa dilakukan sebelum ini.

Antaranya ialah mengedarkan beg kertas, pemetik api, pemegang kunci, pen dan pelbagai lagi barangan cenderahati yang mempamerkan muka dan nombor calon. Lebih mahal, ada perwakilan dikatakan mendapat habuan barangan yang berharga termasuk telefon bimbit.

Diakui selain berwibawa, pemimpin yang dipilih selalunya mesti popular. Namun, kepopularan seseorang pemimpin saja tidak akan membawa banyak manfaat kepada Umno dan ahlinya. Sebagai perwakilan, kedatangan mereka ke Kuala Lumpur setiap tahun dan mengundi tiga tahun sekali, bukan menjadi

alasan untuk mereka tidak mengenali siapa pemimpin yang boleh bekerja atau pandai bercakap saja. Adalah tidak layak bagi seseorang itu menjadi perwakilan dan hanya datang ke perhimpunan tanpa diri sendiri membuat rujukan dan pertimbangan siapa pemimpin bersih dan layak memimpin. Apakah dengan mengenali calon menerusi kad berkenaan dan nombor, sudah cukup untuk menilai seseorang calon itu mempunyai kualiti kepemimpinan dan bersih?

Perwakilan boleh mengukur kewibawaan dan keberkesanan seseorang calon itu menerusi rekod khidmat mereka dalam parti, perangnya sifat bodeknya mahupun penampilannya selama ini. Pasti tidak sukar membuat pemilihan berdasarkan kriteria itu. Malah perwakilan sendiri perlu tampil mengemukakan bukti ada calon yang menyogok. Kita yakin jika ramai perwakilan berani, Umno akan terselamat daripada barah itu.

Kepada calon pula tidak guna mereka membeli undi kerana perwakilan yang 'dibeli' belum tentu lagi mengundi mereka. Dalam situasi sekarang yang mana kebanyakan perwakilan didakwa menerima wang, calon yang mengamalkan perbuatan tidak sihat itu akhirnya akan rugi besar apabila ada yang membuka mulut.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin mendedahkan politik wang masih berlaku tetapi ia beralih ke negeri-negeri. Beliau memberi jaminan akan mendedahkan perkara secara langsung ataupun secara tidak langsung. Ahli Umno mahu mengetahui siapakah gerangan mereka.

(END)